

23 APR 2001

Thailand-Lawatan

PERDANA MENTERI THAILAND TIBA ESOK

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shina Watra akan tiba di sini esok untuk lawatan rasmi dua hari bagi membincangkan isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, lawatan itu akan membolehkan kedua dua negara meningkatkan lagi hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi selain mengenal pasti bidang-bidang yang mungkin untuk memperkukuhkan lagi kerjasama serantau menerusi Asean.

Selain mengadakan perbincangan bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Thaksin juga dijangka melawat Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) yang menyelia pembangunan projek Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC).

Ini merupakan lawatan pertama ke Malaysia bagi Thaksin sejak dilantik ke jawatan itu selepas pilihan raya umum Thailand pada Disember lepas.

Thaksin juga dijangka menemui ahli-ahli perniagaan Thailand di Malaysia pada sebelah tengah hari sebelum mengadakan persidangan berita.

Perdana Menteri Thailand itu akan diraikan di majlis makan malam yang diadakan oleh Dr Mahathir di Sri Perdana.

Kenyataan itu juga menyebut yang hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Bangkok adalah baik dan dipertingkatkan lagi oleh pertukaran lawatan oleh pemimpin-pemimpin tertinggi kedua-dua negara.

"Mekanisme seperti mesyuarat Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand juga membantu memperkukuhkan hubungan dua hala dalam perdagangan dan pelaburan, pendidikan, kesihatan, sumber manusia, perikanan, sains dan teknologi serta pelancongan, menurut kenyataan itu lagi.

Thaksin akan pulang ke Thailand pada keesokan.

-- BERNAMA

RV ZS PR